

1 FEB 1996

Abu Hassan - Eropah

M'SIA HARAP ASEAN DORONG PENGLIBATAN EU DI ASIA

Oleh: Abdul Muin Abdul Majid

PHUKET, 1 Feb (Bernama) -- Malaysia berharap Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) di Bangkok bulan depan akan membero dorongan kepada Kesatuan Eropah (EU) untuk meningkatkan pembabitannya secara positif di Asia Pasifik.

Pemangku Menteri Luar Datuk Abu Hassan Omar berkata dengan berbuat demikian, Eropah dapat memperkukuhkan hubungan ekonomi dan politik dengan negara di rantau ini.

Beliau berkata demikian kepada para wartawan Malaysia setibanya di sini untuk menghadiri mesyuarat tidak formal Menteri Luar Asia yang bermula esok. Mesyuarat dua hari itu akan menyediakan agenda bagi ASEM.

Beliau mewakili Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi yang tidak dapat hadir setelah menjalani pembedahan jantung baru-baru ini.

Yang menghadiri mesyuarat ialah Menteri Luar dari negara-negara ASEAN, China, Jepun dan Korea Selatan.

Ketika ditanya tentang harapan Malaysia tentang sidang kemuncak itu, beliau berkata: "Kami menaruh harapan ia memberi sumbangan positif dalam konteks meningkatkan perdagangan dan ekonomi dua hala serta kerjasama politik."

Abu Hassan yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna berkata, Malaysia sering menjuangkan dasar terbuka dalam bidang perdagangan, ekonomi dan politik.

Mengenai sama ada para pemimpin akan membincangkan isu hak asasi manusia dan nuklear di Bangkok, beliau berkata menteri luar akan membincangkan agenda itu sebelum memberi taklimat kepada pemimpin masing-masing.

Ketika ditanya sama ada beliau menerima arahan khususnya daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung sidang kemuncak itu, beliau berkata: "Pada dasarnya, kita sedang berusaha untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan ekonomi dua hala."

Beliau berkata sudah ada banyak perhubungan secara individu antara negara-negara di Asia dan Eropah. Sidang kemuncak itu akan mendorong negara-negara berkenaan meneroka bidang-bidang kepentingan bersama secara pelbagai hala.

Sementara itu, Menteri Luar Thailand Kasem S. Kasemsri berkata beliau berasa optimistik mengenai sidang itu yang memanfaatkan kedua-dua rantau terutama dalam perdagangan dan pelaburan.

Menteri Luar Singapura Prof S. Jayakumar pula berkata persediaan bagi sidang kemuncak itu berjalan lancar dan beliau juga berasa yakin sidang itu akan berhasil.

Dua puluh lima ketua kerajaan, 10 dari Asia dan 15 dari Eropah dijangka menghadiri ASEAM dari 1 hingga 2 Mac. -- BERNAMA